

Headline	'Kurumbu Kudumbam' bawa semangat Malaysia Baharu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Bisnes	Page No	46
ArticleSize	109 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,219		



## ***'Kurumbu Kudumbam' bawa semangat Malaysia Baharu***

TENAGA Nasional Berhad (TNB) membawakan filem pendek bagi meraikan Deepavali, dengan kisah unik berjudul 'Kurumbu Kudumbam'.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, iklan televisyen itu adalah kesinambungan tema kebahagiaan keluarga, nilai penerimaan dan penghormatan terhadap orang lain walaupun terdapat perbezaan.

Roslan menjelaskan, 'Kurumbu Kudumbam' mengisahkan tradisi kebudayaan India Thalai Deepavali, iaitu Deepavali pertama yang disambut oleh pasangan India selepas berkahwin di rumah keluarga pengantin perempuan.

"Secara tradisinya, ia adalah perayaan ter-

masukmendapatkan berkat daripada mereka yang lebih tua. Adalah kebiasaan untuk keluarga pengantin perempuan memastikan pengantin baharu dijaga dengan baik dan memberi mereka hadiah sebagai sebahagian sambutan hangat kepada ahli keluarga baharu," katanya.

Jelasnya, tema filem pendek ini adalah tepat dengan semangat 'Malaysia Baharu', yang mana rakyat secara keseluruhannya mengalami penyesuaian perasaan dan penerimaan untuk bergerak maju sebagai sebuah 'keluarga' baharu.

'Kurumbu Kudumbam' bakal disiarkan di rangkaian TV percuma dan saluran Astro bermula 5 November ini.